



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 3 SEPTEMBER 2025

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SUBSIDI TAMAT: KPKM PANTAU BEKALAN, HARGA BERAS TEMPATAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 15	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	RIBUAN IKAN MATI DI DUA TASIK TAMAN GELORA, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	UKM-GSB PULIHARA EKOSISTEM SUNGAI, SINAR BESTARI, SINAR HARIAN, M/S - 16	LAIN – LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/9/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	15

Subsidi tamat: KPKM pantau bekalan, harga beras tempatan

JELEBU - Harga beras putih tempatan (BPT) di pasaran akan terus dipantau susulan penamatan subsidi bekalan itu sejak Ahad lalu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, setakat ini tiada sebarang aduan mengenai kenaikan harga bekalan diterima pihaknya.

Menurut beliau, walaupun subsidi ditamatkan, kerajaan masih menyalurkan peruntukan sekitar RM150 juta bagi memastikan harga BPT kekal pada paras RM2.60 sekilogram.

"Sekarang beras putih tempatan masih kekal pada harga RM2.60 sekilogram. Subsidi ini diteruskan sementara sehingga kajian semula dibuat.

"Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan terus mendapatkan laporan berkala mengenai perkembangan BPT untuk dikemukakan dalam setiap mesyuarat Kabinet," katanya selepas meninjau Projek Tanaman Padi Skim Sungai Buluh di sini pada Selasa.

Turut hadir, Exco Kanan Negeri Sembilan, Datuk Seri Jalaluddin Alias.

Beliau berkata, walaupun bekalan kembali stabil, negara tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada beras import kerana membabitkan sekuriti makanan.



Mohamad (tengah) melihat operasi dron di Projek Tanaman Padi Skim Sungai Buluh, Jelebu pada Selasa.

"Kita pernah alami situasi sebelum ini apabila India menghentikan eksport beras putih, kita berdepan masalah bekalan dalam negara.

"Begitu juga faktor luar seperti konflik geopolitik boleh mempengaruhi harga makanan asas di negara ini, contohnya perang Ukraine-Rusia memberi kesan kepada bahan makanan," katanya.

Justeru, beliau berkata, kerajaan kini memberi tumpuan meningkatkan kadar sara diri (SSR) pengeluaran beras negara kepada 90 peratus bagi menjamin keterjaminan makanan.

Jelas Mohamad Sabu, SSR

beras negara kini berada sekitar 56 peratus berbanding kemuncaknya iaitu 71 peratus sebelum ini selepas kehilangan lebih 20,000 hektar sawah padi akibat pembangunan perumahan dan tanah terbiar.

"Untuk mencapai sasaran ini, kerajaan memfokuskan kepada dua strategi utama iaitu meningkatkan hasil sedia ada melalui projek penanaman sawah padi berskala besar serta membangunkan semula sawah terbiar.

"Kita lihat ada keinginan anak-anak muda mengusahakan sawah padi berskala besar mutakhir ini," katanya.

Ribuan ikan mati di dua tasik Taman Gelora

Jabatan Perikanan Pahang masih siasat punca kejadian

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Pengunjung pusat rekreasi Taman Gelora, di sini terpaksa berdepan bau yang tidak menyenangkan, berikutan ribuan ikan dalam dua tasik buatan itu mati sejak kelmarin.

Antara spesies ikan pelbagai saiz yang mati ialah ikan susu dan ikan belalak mata. Ikan yang

mati timbul di permukaan tasik yang menjadi lokasi riadah penduduk.

Tinjauan di tempat berkenaan semalam mendapati, walaupun kakitangan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) sejak kelmarin mengutip bangkai ikan untuk dilupuskan, didapati masih ada bangkai ikan di beberapa kawasan di dua tasik berkenaan.

Mereka mendakwa, kejadian



Kakitangan MBK mengutip bangkai ikan di tasik Taman Gelora, Kuantan, semalam. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

ikan mati berlaku sejak kelmarin dan pihaknya mengutip ikan mati bagi mengelak bau tidak menyenangkan di kawasan rekreasi itu yang menjadi tumpuan pengunjung setiap hari.

Ikan susu yang hidup dalam air masin menjadikan Tasik Ta-

man Gelora sebagai habitat selepas air laut masuk ke tasik.

Analisis bangkai ikan

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Roslan Abu Hasan, berkata pihaknya akan menyiasat punca kematian ikan

di dua tasik di Taman Gelora sejak semalam.

Katanya, pegawai Pusat Biosekuriti Jabatan Perikanan Pahang semalam mengambil contoh ikan yang mati bagi tujuan analisis untuk menentukan punca sebenar ribuan ikan mati.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/9/2025	SINAR HARIAN	SINAR BESTARI	16

UKM-GSB pulihara ekosistem sungai



Peserta termasuk guru-guru terlibat bergambar selepas berjaya menangkap 1 tan ikan bandaraya.

Pelajar, guru SMAP Kajang dan KPTD tangkap 1 tan ikan bandaraya

Oleh MUHAMAD TARMIZE MOHD NOR BANGI

Pulihara ekosistem perairan negara daripada ikan asing dan memupuk kesedaran cintakan sungai dalam kalangan masyarakat terutama generasi muda seperti pelajar sekolah dan kanak-kanak.

Itu dua matlamat utama program Mengintegrasikan Kelestarian Ekosistem Sungai anjuran sekumpulan 10 mahasiswa Sarjana Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM-GSB) di Denai Sungai Kebangsaan, Bangi, Selangor baru-baru ini.

Pengarah program, Syed Faiq Syed Jalil berkata, idea membersihkan kira-kira 300 meter Sungai Langat itu timbul selepas melihat kerosakan teruk yang dibuat ikan bandaraya atau nama saintifiknya hypostomus plecostomus terhadap alam sekitar terutama jajaran sungai negara.

"Kami bekerjasama dengan Skwad Pemburu Ikan Asing (SPIA) yang mempunyai modul pendidikan dan kepakaran menangkap ikan bandaraya ini dalam menjayakan program

tanggungjawab sosial korporat (CSR) berkenaan.

"Apa yang paling penting ialah kesedaran yang berterusan. Kami juga menjemput 35 pelajar dan guru Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Kajang, selain 30 anggota 101 Korps Kor Polis Tentera Diraja (KPTD) serta 25 orang awam untuk menyayakan program ini," katanya kepada *Sinar Bestari*.

Menurut beliau, program menangkap ikan bandaraya dalam usaha menjaga ekosistem ikan tempatan itu merupakan kali pertama diadakan oleh penuntut UKM-GSB.

"Setiap tahun, lebih daripada 300 mahasiswa UKM-GSB akan membentuk lebih 30 kumpulan dan masing-masing dianjurkan program CSR.

"Setiap kumpulan mempunyai pendekatan tersendiri melaksanakan CSR masing-masing. Bagi kumpulan kami, fokus diberikan kepada usaha kesedaran memulihara dan memelihara sungai daripada ancaman ikan asing," jelasnya.

Tambahnya, sifat ikan bandaraya ialah memakan telur ikan tempatan dan boleh membiak dengan cepat selain merosakkan tebing serta dasar sungai.

"Bayangkan dalam tempoh tiga jam membabitkan lingkungan 300 meter sungai, kita berjaya tangkap hampir 1.1 tan ikan bandaraya berbanding spesies tempatan iaitu 1.9 kilogram sahaja. Suatu perbandingan yang sangat ketara," ujarnya.

Untuk rekod, program bersama SPIA itu mendapat kerja-

TRIVIA IKAN BANDARAYA



Asal: Sungai Amazon, Amerika Selatan
 Nama: Ikan bandaraya/ hypostomus plecostomus
 Ciri: Badan keras, mulut penghisap
 Fungsi: Makan alga, pembersih akuarium
 Saiz: Hingga 60 sentimeter
 Tabiat: Nokturnal, suka bersembunyi
 Bahaya: Spesies invasif dan mengganggu ekosistem tempatan

sama tajaan TROX Malaysia Sdn Bhd, Amona Group of Companies, Herness Sdn Bhd, Advanced Packaging Technology (M) Berhad, Kopi Saigon Bandar Seri Putra dan Ayam Gepuk Top Global Bandar Baru Nilai.

Tangkap dengan tangan

Sementara itu, Guru Kanan Teknik dan Vokasional merangkap Penyelaras Alam Sekitar SMAP Kajang, Mahani Mahad berkata, seramai 30 orang pelajar turun ke sungai serta menangkap ikan bandaraya dengan tangan mereka sendiri.

"Kebiasaannya kami mengadakan program lestari alam sekitar ini hanya di sekolah namun berbeza kali ini, kita keluar dari



Seramai 30 pelajar SMAP Kajang bersama lima guru terlibat dalam aktiviti menangkap ikan bandaraya.



Pelajar diberi taklimat ringkas sebelum memulakan aktiviti di sungai.

sekolah dan datang ke Sungai Langat untuk tangkap ikan asing.

"Ia pengalaman indah buat pelajar dan guru-guru kerana selain turun menangkap ikan, kami turut diberi penerangan mengenai ancaman ikan asing terhadap sungai tempatan serta kepentingan memelihara sungai serta ekosistemnya," kata beliau. Jelasnya, selain memupuk

kesedaran, aktiviti itu dapat meredakan tekanan dihadapi pelajar dan guru di sekolah selain memupuk semangat cintakan alam sekitar.

"Tahniah UKM-GSB, mungkin selepas ini kami mahu mengadakan program serupa dengan penglibatan lebih ramai pelajar, guru dan kakitangan sekolah serta ibu bapa," tambah beliau.